

PERKEMBANGAN DAN PEMBENTUKAN REMAJA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Anuar bin Puteh*
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

This essay examines the development of teenagers from an Islamic perspective. Since teenagers are potential future leaders, Islam stresses that their development be holistic. Youth development must therefore encompass the physical, moral, ethical, mental and social aspects..

PENDAHULUAN

Dalam proses pembangunan sesebuah masyarakat dan negara, setiap suatu aspek yang penting mestilah tidak boleh dipinggirkan. Pembinaan sesebuah masyarakat adalah berteraskan kepada pembinaan ummah secara individu dan bersepadu. Pembinaan ini mestilah meliputi keseluruhan tatacara kehidupan sama ada dari sudut fizikal, mental, moral, kerjasama, saling ingat-memperingati dan kebertanggung-jawaban.

Salah satu aset terpenting yang boleh menjamin kemajuan sesebuah masyarakat ialah golongan remaja. Mereka ini perlu digilap dan dibentuk dengan acuan yang terbaik untuk melahirkan satu model yang ideal dan berkualiti sesuai dengan cita-cita murni dan aspirasi negara menuju wawasan kegemilangan.

Oleh itu, persoalan pembentukan golongan remaja menjadi satu persoalan yang amat penting dalam senarai tugas dan tanggungjawab sesuatu masyarakat dan negara. Sejauh mana sesuatu masyarakat itu mampu membentuk golongan remaja berlandaskan falsafah dan matlamat yang ingin dicapai, maka sejauh itu jugalah masa depan masyarakat tersebut dan tamadunya akan berada di landasan dan hala

* Komen-komen daripada penilai tak ternama adalah sangat dihargai.

tuju yang ingin digapainya (Sulaiman Ibrahim 2000:63). Dalam konteks merealisasikan hasrat untuk menjadikan golongan remaja sebagai teras pembangunan masyarakat, usaha untuk membentuk golongan remaja yang berkualiti mestilah dilakukan sebaik-baiknya dan berlaku secara berterusan.

DEFINISI REMAJA

Dalam Kamus Dewan Edisi Baru (1993:1046), remaja ditakrifkan sebagai 'sudah cukup umur atau muda'. Mereka pada umumnya mempunyai perasaan yang berbeza di dalam kehidupan; mengikut lokasi kependudukan dan identiti yang dipengaruhi oleh budaya hidup mereka sendiri. Namun begitu, secara tidak langsung mereka berkongsi dalam aspek-aspek penumpuan dan pemerhatian, naluri kemudaan, harapan dan semangat serta daya perjuangan mereka (UNESCO t.th:2).

Perkataan remaja yang padanan bahasa Inggerisnya disebut *adolescence* kerap dirujuk kepada tempoh transisi di antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa dalam kehidupan seseorang. Tempoh itu biasanya dibahagikan kepada apa yang boleh diistilahkan sebagai remaja awal. Umur bagi merujuk tempoh ini ialah di antara 12 hingga 16 atau 18 tahun. Bagi tempoh masa yang diistilahkan sebagai remaja akhir pula biasanya merujuk kepada jarak masa umur antara lingkungan 16 hingga 25 tahun. Golongan ini juga lazimnya diistilahkan sebagai belia atau dalam bahasa Inggerisnya disebut sebagai *youth*.

Namun di peringkat antarabangsa, pihak *United Nation of Educational and Cultural Organisation* (UNESCO), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan remaja (secara khususnya merujuk kepada belia) berdasarkan rancangan-rancangan yang dihadapkan kepada para peserta yang berumur sekitar 15 hingga 30 tahun (Gelanggang 1988:4).

Menurut pandangan Zakiah Daradjat (seorang ahli psikologi dan kemanusiaan), remaja ialah seseorang yang berumur di dalam lingkungan 13 atau 14 tahun. Ditambah pula oleh perubahan yang lain seperti keadaan fizikalnya yang kian membesar (Zakiah Daradjat 1973:52). Mengikut Yusuf Zaky, remaja adalah satu peringkat tertentu

di dalam kehidupan manusia yang bermula di sekitar usia 13 tahun dan berlanjutan sehingga sekitar 21 tahun (Yusuf Zaky Yacob 1979:297).

Bagi Drs Awang Sudjai (1977:903), remaja ialah peringkat umur di mana seseorang itu mulai dewasa, sudah akil baligh dan sudah cukup umur untuk berkahwin. Ada juga yang mentakrifkan remaja sebagai zaman peralihan dalam proses perkembangan manusia di antara belia dengan dewasa (Khadijah Haidi Khalid 1994:1). Beliau menyatakan bahawa remaja merupakan satu peringkat menandakan akil baligh atau cukup umur yang indikasinya merujuk kepada proses kedatangan haid bagi perempuan dan bagi lelaki mereka sudah mula mengeluarkan benih melalui air mani.

Ciri umum yang biasanya menunjukkan kepada keadaan tersebut ialah perubahan bentuk-bentuk badan, perkembangan yang pesat pada alat-alat jantina atau seks dan perkembangan pengaliran hormon yang berkaitan dengan alat-alat seks. Perkembangan itu juga bukan hanya merujuk kepada perkembangan fizikal semata-mata, malah turut melibatkan perkembangan daya berfikir dan intelektualisme, kehendak, tingkahlaku, penyesuaian dengan persekitaran dan kemasyarakatan, lebih responsif serta kematangan bertindak dan membuat pilihan.

Walaubagaimanapun, kematangan fizikal dan seksual adalah bahagian yang mustahak dalam proses transisi remaja ke status dewasa dan ke arah memikul tanggungjawab. Remaja juga adalah satu peringkat perkembangan sendiri di mana seseorang hendak menentukan keindividuan identitinya dan harga diri kerana setiap remaja adalah individu yang unik dan tersendiri.

Menurut Laili Ibrahim (1989:16), remaja ialah perantaraan dari keadaan kanak-kanak kepada keadaan dewasa. Sebab itulah bagi seseorang remaja, fasa kehidupan mereka penuh dengan pelbagai cabaran dan tekanan jiwa yang bergelora. Pada tahap ini remaja lebih cenderung dan terdedah untuk menganggotai sesebuah kumpulan sosial yang pelbagai bentuk dan namanya sebagaimana yang dikenali dengan 'gang, klik, *crowd* dan sebagainya' (Asmah Bee 1999:44).

Alam remaja merupakan satu tempoh yang datang hanya sekali sepanjang tempoh kehidupan seseorang manusia. Tempoh tersebut merupakan zaman yang paling manis, mencabar dan paling kekal dalam

ingatan. Semua peristiwa dan kenangan yang berlaku pada zaman remaja ini banyak mempengaruhi kehidupan remaja dalam menempuh zaman dewasanya (Robiah Kulop Hamzah 1997:1).

Bagi Kuhlen(1982:42) pula, remaja adalah peringkat peralihan daripada zaman kanak-kanak ke alam dewasa. Zaman ini berada dalam lingkungan umur 12 tahun hingga masuk awal 20-an. Pada tahap remaja, seseorang itu mendapat kebebasan, bertanggungjawab dan berdikiri. Di samping itu, berlaku pertumbuhan yang pesat dari segi jasmani dan rohani(Sebald 1977:23).

Manakala menurut Karl C. Garisson dan Karl C. Garisson Jr. (1975:4), perkataan *adolescence* ini berasal daripada perkataan Latin iaitu *adolescere* yang bermaksud meningkat dewasa dan menuju kematangan. Perkara yang paling penting pada tempoh tersebut ialah berlakunya perubahan fisiologi yang mengisyaratkan kepada tanda-tanda permulaan zaman remaja dan melibatkan perkembangan kelenjar-kelenjar seks. Hormon daripada kelenjar-kelenjar seks tersebut membawa pembiakan organ ke arah kedewasaan dan individu berupaya untuk membiak.

Daripada beberapa definisi umum yang telah dipetik kenyataannya seperti di atas, dapat disimpulkan bahawa remaja dalam pandangan umum ialah merupakan satu golongan yang berada pada zaman transisi di antara zaman kanak-kanak dan zaman dewasa. Pada tempoh tersebut berlaku perkembangan yang pesat dari sudut fizikal, spiritual, daya intelektual, kecenderungan dan kemahuan serta kemampuan menyesuaikan diri dengan persekitaran.

PANDANGAN ISLAM MENGENAI TAKRIFAN REMAJA

Menurut perspektif Islam, tidak ada dinyatakan istilah remaja secara khusus. Namun golongan tersebut termasuk dalam kategori pemuda yang seringkali dinyatakan dengan pengertian bahasanya iaitu *syabab* atau *fataa*. Manakala menurut istilah pula, remaja atau pemuda ini membawa erti satu peringkat umur manusia yang bermula daripada akil baligh sehingga menjelang akhir usia 30 an (Fuad Ifrah al-Bustani 1982:352).

Rasulullah saw juga telah menyentuh mengenai golongan remaja dengan menggunakan perkataan muda (*syabab*) dalam sebuah hadis yang bermaksud:

“Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara yang lain; hidup kamu sebelum mati, sihat kamu sebelum sakit, kelapangan sebelum sibuk, muda sebelum tua dan kaya sebelum kamu papa”.

Imam al-Ghazali (1967:10) mendefinisikan remaja sebagai golongan yang mencapai peringkat baligh iaitu ketika manusia telah dianggap mempunyai akal yang sempurna dan perkembangan akalnya telah matang sehingga mampu untuk menguasai sesuatu dengan sendiri.

Mengikut perkamusan Arab, remaja seperti yang telah dinyatakan oleh Dr. Ibrahim Anis, Dr. Abd. Halim Muntasir dan °Attiyah al-Sawahiliy (1973:47) ialah orang yang telah sampai ke peringkat baligh, tapi belum ke peringkat kelelakian dan kelelakian itu ialah peringkat kesempurnaan sifat-sifat teristimewa bagi semua lelaki. Begitu jugalah jika dinisbahkan kepada golongan remaja perempuan.

Dapat dilihat di sini takrifan tersebut menepati takrifan yang lain seperti yang dinyatakan oleh Khadijah Haidi (1994:2) sebelum ini, bahawa tempoh remaja itu ialah tempoh seseorang itu mencapai tahap menuju kedewasaan dengan melihat persoalan akil baligh sebagai indikasi atau pengukur kepada tahap kedewasaan tersebut khususnya dalam persoalan kematangan seks. Organ proses pembiakannya dapat mencapai fungsi kedewasaan pada waktu ini. Perubahan pada setiap remaja memuncak ketika akil baligh ini. Namun begitu, tahap kederasan dan perkembangan tersebut tidak sama bagi setiap individu.

Dapat dirumuskan bahawa, Islam menggunakan pengukuran akil baligh dalam mendefinisikan remaja dan ukuran tersebut menjadi satu piawaian untuk menentukan seseorang itu telah mencapai tahap remaja atau sebaliknya. Akil baligh ini akan menjadi sebagai satu titik pemisah di antara alam kanak-kanak dengan alam remaja. Di samping itu, secara umumnya Islam tidak menentukan batasan umur remaja. Namun begitu, biasanya peringkat itu dirujuk pada sekitar usia lewat remaja iaitu antara peringkat umur 25 hingga 30 tahun (Fuad Ifrah al-Bustani 1982:354).

FASA-FASA PERKEMBANGAN REMAJA

Manusia secara semulajadi mengalami pertumbuhan dan perkembangan yang amat kompleks sifatnya bermula daripada peringkat awal kejadian sehingga sampai ke tahap terakhir kehidupan. Perkembangan ini mempunyai tahap-tahap tertentu yang merupakan peringkat-peringkat yang harus dilalui oleh seseorang individu dalam kehidupannya melibatkan perkembangan fizikal, emosi, mental, moral dan sosial.

Peristiwa nyata yang paling besar dalam kehidupan manusia dimulai dengan peristiwa kelahiran. Islam melihat detik atau peristiwa kelahiran itulah merupakan titik awal kehidupan manusia sebelum terpaksa melalui pelbagai pengalaman dan perkembangan lain selepas itu termasuklah perkembangannya di peringkat remaja atau belia. Profesor Dr. Saedah Siraj (1993:31) mengatakan, bermulanya kehidupan manusia itu merupakan titik tolak bermulanya sebuah pengalaman. Menurut beliau lagi, hakikat bermulanya pengalaman seseorang manusia itu adalah semenjak berada dalam kandungan (rahim) ibunya walaupun pengalaman tersebut tidak dapat disaksikan secara nyata. Ketika dalam kandungan ibunya, seseorang bayi atau diistilahkan sebagai janin itu telah merasai dan melalui satu pengalaman mendengar dan merasa. Ini berlaku kerana ketika janin berusia empat bulan dalam kandungan, Allah SWT telah meniupkan roh kepadanya dan dengan peniupan roh tersebut bermakna janin itu boleh mendengar, melihat, merasa dan sebagainya. Hakikat tersebut bersesuaian dengan apa yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam firmanNya (Surah al-Sajdah:9) yang bererti:

Kemudian Dia menyempurnakan kejadiannya serta meniupkan padanya roh ciptaanNya. Dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur, tetapi amat sedikit orang-orang yang bersyukur.

Dalam Islam, persoalan baligh merupakan satu elemen yang sangat dititikberatkan bagi merujuk perkembangan individu itu dan menunjukkan seseorang itu tergolong dalam kategori golongan remaja serta termasuk dalam golongan orang-orang mukallaf. Mukallaf dalam pengertian umum dan mudah difahami bermaksud orang yang telah cukup umur dan mesti mematuhi hukum-hakam Islam tanpa ada pilihan sama ada berkenan ataupun tidak dan ketika itu juga mereka wajib

melaksanakan tanggungjawab agama dalam semua sudut. Pada tahap ini seseorang itu mula dikenakan segala tanggungjawab agama berkaitan dengan larangan-larangan, janji-janji dan segala tuntutan-tuntutan Allah SWT. Rasulullah saw telah menegaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud, ertinya:

“Tiga orang yang terlepas dari sebarang tanggungjawab iaitu seseorang yang tidur sehinggalah dia terjaga, seorang kanak-kanak sehinggalah dia baligh dan seseorang yang gila sehinggalah dia siuman”.

Secara umumnya menurut kebiasaan, penentuan baligh itu terbahagi kepada dua iaitu baligh secara tabi’ei dan baligh mengikut kiraan umur. Kedua-dua kaedah penentuan ini pernah dibincangkan oleh beberapa orang pengkaji yang akan dinyatakan di bawah.

i) Baligh Secara Tabi’ei

Mengikut tulisan Hasnah Ghani (1995:5), pada peringkat ini berlaku perubahan fizikal pada tubuh badan, suara menjadi kasar dan agak garau, pertumbuhan bulu-bulu pada anggota-anggota tertentu dan keluar air mani bagi lelaki. Manakala bagi remaja perempuan pula, tanda-tanda tabi’ei bagi melihat masa balighnya ialah berlaku perubahan fizikal atau tubuh badan seperti pembentukan dan pembesaran payu dara, pembentukan pinggang dan pinggul serta keluar haid yang pertama.

Bagi remaja lelaki, keluaran air mani pertama biasanya berlaku semasa merancap (onani) atau melalui mimpi dalam keadaan tidur. Berlainan dengan haid, air mani tidak akan berlaku tanpa bantuan psikologi. Remaja lelaki perlu tahu dan diingatkan bahawa ‘mimpi basah’ adalah satu perkara normal dan tabi’ei. Lebih daripada itu, perlu juga diperingatkan bahawa menurut ketetapan agama, mereka telah masuk ke dalam golongan orang yang mukallaf dan mempunyai tanggungjawab yang tersendiri dan akan dipertanggungjawabkan dalam soal-soal ketaatan dan keenggaran kepada suruhan dan tegahan agama.

Pada kebiasaannya, keluaran air mani pada tahun pertama tidak ada potensi kesuburan sehingga sperma atau benih jantan menjadi

bertambah banyak dan aktif bagi mengesan benih betina. Kelazimannya juga tinggi tubuh badan turut bertambah dengan seiringan dengan pertambahan saiz zakar. Dalam tempoh perkembangan awal remaja sehingga umur 14 tahun, perempuan lazimnya mengalami pertambahan berat badan dan ketinggian lebih daripada remaja lelaki. Kemudian perkembangan, pembesaran dan kesuburan lelaki bertambah pesat melebihi perempuan (Khadijah Haidi 1994: 4-5).

Kebiasaannya pada peringkat ini juga, pusingan dan kitaran haid tidak berapa tepat dan teratur. Kadangkala tempoh kedatangan haid tersebut memakan masa yang panjang, sederhana dan agak singkat. Ada sesetengah remaja perempuan yang didatangi haid pada jarak antara 15 dan 45 hari di antara satu dengan yang lain. Dengan kedatangan haid tersebut, tidak bermakna seseorang remaja perempuan itu secara automatik telah matang dari segi seksnya dan boleh mendatangkan zuriat. Pada setahun atau dua tahun selepas kedatangan haid pertama tersebut, biasanya keadaan dan potensi kesuburan remaja perempuan belum matang dan kurang subur.

Pada kedua-dua remaja lelaki dan perempuan, pertumbuhan dan keluaran bulu-bulu terutama bulu ketiak bertambah seperti orang dewasa. Satu perkara yang berbeza ialah pertambahan sel darah merah remaja lelaki daripada segi peratusnya. Manakala bagi remaja perempuan kekal seperti mana biasa dan tidak berlaku sebarang pertambahan yang ketara daripada segi sel darah merahnya. Ejakulasi (keluaran air mani) yang pertama adalah pengalaman yang mendebarkan bagi remaja lelaki seperti mana kedatangan haid pertama bagi remaja perempuan. Pada ketika ini juga, ada satu perkara yang perlu diawasi iaitu kemungkinan berlaku perubahan perasaan yang menyebabkan timbul keinginan seksual terutamanya bagi remaja lelaki (Khadijah Haidi 1994: 7).

Sesetengah ulama' berpendapat, baligh secara tabi'ei ini berlaku pada kebiasaannya ketika seseorang itu berusia 10 atau 12 tahun bagi lelaki. Manakala bagi wanita pula, baligh secara tabi'ei berlaku pada usia lebih awal sedikit berbanding remaja lelaki dengan diikuti oleh perubahan fizikal dan emosi. Sesetengah ulama, mengatakan bahawa had paling minima ialah 9 tahun.

Semua mazhab bersepakat mengatakan bahawa seseorang perempuan tidak akan didatangi haid sebelum umurnya menjangkau 10 tahun.

ii) Baligh Mengikut Umur

Ulama' Fiqh berbeza pendapat tentang batas umur baligh seseorang. Menurut Jumhur Ulama', umur baligh bagi lelaki dan perempuan ialah ketika berumur 15 tahun. Menurut Imam Abu Hanifah, seseorang lelaki akan mencapai umur baligh apabila berusia 15 tahun dan bagi perempuan apabila berusia 17 tahun. Menurut pendapat Imam Malik pula, seseorang itu tidak kira lelaki atau perempuan akan mencapai tahap usia baligh apabila berumur 15, 16, 17 atau 19 tahun (H.A. Hafizh Dasuki 1997:83).

Jika ditinjau dari sudut pandangan dan teori sains pula, usia baligh merupakan peringkat permulaan kematangan seks seseorang. Peringkat ini bermula apabila seseorang itu mencapai umur lebih kurang 13 tahun bagi lelaki dan 12 tahun bagi perempuan. Pada peringkat ini juga, organ jantina mula menjadi matang dan organ pembiakan mula berfungsi (Rusli, Halimah, Fadilah 1988:28).

Setelah mencapai tahap baligh ini, bermulalah era kehidupan remaja menurut pandangan Islam. Dalam Islam, perkembangan remaja ini dirujuk kepada suatu masa yang merupakan titik permulaan bagi seseorang itu mencorakkan persoalan kehidupan mereka. Islam menetapkan bahawa bermulanya detik ini seseorang itu telah dipertanggungjawabkan daripada segi perbuatannya sama ada baik ataupun buruk. Corak dan bawaan remaja pada peringkat ini banyak mempengaruhi bentuk perkembangan fizikal, emosi, mental dan moral mereka.

Perkembangan Fizikal

Terdapat perbezaan keadaan tumbesaran bagi remaja lelaki dan perempuan. Begitu juga terdapat perbezaan di antara seseorang remaja lelaki sesama remaja lelaki yang lain dan di antara seseorang remaja perempuan dengan remaja perempuan yang lain. Sebagai individu, masing-masing membesar mengikut kadar yang tersendiri. Menurut ahli

psikologi, secara emosi tidak semua remaja merasa puas hati atau bersetuju dengan perkembangan fizikal mereka. Pelbagai tanggapan bermain di fikiran seperti merasakan diri mereka terlalu pendek, terlalu tinggi, terlalu kurus, terlalu gemuk dan sebagainya (Zakiah Daradjat 1973:55). Ada sebahagian yang lain pula merasakan rupa paras mereka tidak begitu kacak dan tampan bagi remaja lelaki dan tidak cantik jelita dan menawan bagi remaja perempuan seperti yang mereka idam-idamkan.

Dari sudut psikologi tersebut, perasaan atau emosi sebegini mempengaruhi pola berkawan di kalangan remaja. Mereka yang merasakan diri banyak kekurangan daripada orang lain biasanya akan bersikap mengasingkan diri daripada khalayak remaja yang ramai atau berkawan sesama rakan-rakan yang dianggap mempunyai persamaan dengan mereka sahaja. Keadaan ini banyak merugikan golongan tersebut kerana kadang-kadang rasa kekurangan itu akan menyebabkan mereka turut mengasingkan diri daripada remaja lain bukan sahaja dalam aspek pergaulan seharian, bahkan turut mengasingkan diri dalam aspek yang penting seperti dalam pendidikan dan pelajaran. Kadang-kadang sifat tersebut menyebabkan mereka merasa terpinggir dan wujud dalam fikiran mereka adanya sikap diskriminasi oleh guru-guru yang mengajar. Walaupun pada hakikatnya, perasaan tersebut banyak didominasi oleh rasa kekurangan dan rendah diri yang membenih di dalam diri mereka sendiri.

Setiap perubahan psikologikal yang berlaku pada diri remaja akan turut mempengaruhi pertumbuhan jasadnya (Saedah Siraj 1993:33). Pertumbuhan ini bermula daripada pelbagai proses kegiatan hormon yang berkait rapat dengan pertumbuhan tubuh dan perkembangan biologikal. Pada masa yang sama, perkembangan ini akan memberi kesan secara langsung kepada perkembangan psikologikal dan sosial dalam diri remaja. Namun demikian kadar kemajuannya berbeza antara seseorang remaja dengan remaja yang lain. Sebagai contohnya, ada remaja yang berumur 16 tahun mungkin sudah mula meninggalkan rumah dan keluarganya untuk mencari rezeki dan sumber hidup sendiri. Manakala ada pula remaja lain yang sudah menjangkau usia 19 atau 20 tahun, tetapi masih bergantung kepada ibu bapa dan keluarganya dalam banyak hal (S.M. Hatta 1994:7).

Ciri yang paling ketara dalam perkembangan fizikal remaja ini ialah perubahan bentuk badan, perkembangan yang pesat pada alat seks, perkembangan pengaliran hormon yang berkaitan dengan perkembangan alat seks dan perkembangan pada ciri-ciri seks sekunder. Perkembangan fizikal ini juga boleh mengakibatkan gangguan kesihatan psikologi dan emosi seseorang remaja. Sebagai contohnya, remaja awal merasa bimbang dan curiga terhadap penyingkiran dari rakan sebaya jika mereka berbeza dari segi fizikal. Kecurigaan mengenai perkembangan pesat atau lewat yang berlaku pada diri mereka menjadi satu kesangsian sama ada mereka itu ganjil daripada orang lain. Beberapa kerisauan mengenai masalah fizikal juga sering berlaku. Kesan-kesan seperti pening kepala dan sakit perut boleh disebabkan oleh perkembangan pesat atau kelewatan kematangan seksual. Perasaan risau atau rungsing ini boleh menjejaskan keyakinan sendiri golongan remaja.

Perkembangan Emosi

Emosi adalah rasa hati atau dalam perkataan lain ialah perasaan yang sering dirujuk dengan keadaan yang bersifat dalaman seperti sifat marah, takut, bimbang, suka, duka, kecewa, jelek, serba salah, malu, benci dan sebagainya (Yusuf Zaky Yacob 1977:38). Kebiasaannya perasaan atau emosi ini agak sukar dikawali kecuali oleh remaja yang benar-benar mempunyai kekentalan untuk mengawalinya. Bahkan di kalangan orang yang dewasa sendiri, ramai yang tewas apabila berhadapan dengan emosi ini seperti bersifat panas baran, tidak sabar, suka memprotes dan sebagainya. Setiap manusia akan berhadapan dan mengalami gangguan emosi ini dan amat sukar untuk digambarkan dengan perkataan. Unsur perasaan ini memang berkait rapat dengan segala kegiatan manusia. Emosi ini lahir daripada jiwa manusia itu sendiri. Allah SWT telah menjelaskan dalam al-Qur'an tentang kepentingan menjaga jiwa (*nafs*) agar manusia boleh menghadapi gangguan emosi ini dengan baik. Allah SWT juga menyifatkan manusia yang mampu menyucikan jiwanya ialah manusia yang berjaya, manakala mereka yang mengotorkan jiwanya adalah seorang yang rugi. Jiwa yang kotor dan tidak dijaga dengan sempurna akan menjerumuskan manusia ke dalam kemelut emosi yang memusnahkan seperti pemarah, pendendam, pendengki dan sebagainya. Firman Allah SWT dalam surah al-Syams (7-10) yang bererti:

Demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya. Maka diilhamkan kepadanya jalan yang membawa kepada kejahatan dan jalan yang membawa kepada kebaikan. Sesungguhnya bergembira dan berjaya orang-orang yang membersihkan dirinya. Dan sesungguhnya hampa dan rugilah orang-orang yang mengotorkan dirinya.

Zaman remaja yang merupakan satu tempoh peralihan daripada zaman kanak-kanak menuju ke alam dewasa akan memperlihatkan satu perubahan yang agak besar dan banyak mempengaruhi tindakan dan perasaan mereka. Terdapat beberapa ciri yang menjadi gambaran kepada perasaan golongan ini berkaitan dengan perkembangan emosi, antaranya (Yusuf Zaky Yacob 1977:42-44):

- a. Perasaan meluap-luap dan perungus. Perasaan ini banyak menguasai remaja pada tahap remaja awal atau pada permulaan umur remaja. Remaja boleh meradang dan memberontak walaupun hanya kerana sebab yang kecil. Walaupun begitu, biasanya mereka akan mudah pula bertolak ansur selepas itu. Dalam keadaan ini juga biasanya remaja lebih suka untuk membuat kesimpulan yang menyeluruh daripada apa yang mereka lihat dan dengar.
- b. Perasaan tidak tetap dan sentiasa berubah-ubah dalam jangka masa yang pendek seperti sekejap merasa seronok dan seketika kemudian bermuram durja.
- c. Banyak memperlihatkan atau menggambarkan perasaan dengan gerak geri yang tertentu seperti menghempas pintu, menumbuk meja dan sebagainya.
- d. Apabila kehendak mereka terhalang dan tersekat sama ada kerana bertentangan dengan undang-undang masyarakat atau adat resam setempat ataupun kerana halangan-halangan lain yang membataskan kehendak mereka tersebut, remaja akan dibaluti oleh perasaan kecewa dan duka cita yang berpanjangan.

Biasanya remaja yang mengalami masalah gangguan emosi dapat dikesan dengan mudah melalui riak muka dan tingkah lakunya. Remaja akan memperlihatkan gangguan selera makan dan mengalami gangguan

ketika tidur. Kesan yang nyata dan segera akan mengakibatkan remaja hilang selera makan, tidur tidak nyenyak, sukar hendak tidur (*ansomnia*) dan sering terjaga semasa tidur. Jika keadaan ini berlaku berpanjangan akan memberikan kesan yang negatif kepada kesihatan remaja.

Pengaruh emosi yang sering dikaitkan dengan perkembangan remaja memainkan peranan yang amat penting dan besar sehingga kadangkadang ianya lebih banyak mempengaruhi remaja jika hendak dibandingkan dengan peranan akal fikiran. Keadaan ini terjadi kerana berlaku perubahan secara mendadak dalam beberapa aspek kehidupan mereka terutamanya berkaitan dengan pertumbuhan fizikal yang menuntut kekuatan mereka untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dan perkembangan tersebut.

Pemikiran remaja pada tahap ini belum cukup matang, rasional, logik dan objektif. Jadi tidak hairanlah kebanyakan tingkah laku remaja banyak dipengaruhi oleh emosi mereka. Pada tahap ini juga, ada di kalangan remaja yang berasa bingung dalam mencari identiti diri. Dalam usaha mencapai kehendak dan keperluan hidup, remaja akan melalui tiga perasaan atau emosi yang utama iaitu (Yusuf Zaky Yacob 1977: 45-47):

a. Rasa Marah

Perasaan ini akan timbul apabila mereka dicabar atau sesuatu yang diidam-idamkan tidak diperolehi. Sikap ibu bapa yang terlalu mengharapkan kejayaan anak-anak remaja sehingga mengongkong mereka akan membentuk satu suasana krisis bagi remaja. Akibat daripada fenomena ini akan membawa kepada perasaan inginkan kebebasan yang melampau. Remaja yang dibayangi perasaan marah akan mula bertindak kasar, mengganggu orang lain dan kadang kala bertindak melakukan perbuatan yang akan merugi dan memusnahkan diri sendiri serta masa depan mereka.

b. Rasa Takut

Perasaan takut yang dialami oleh remaja ini biasanya berakar umbi daripada perasaan yang dilalui dalam pergaulan di rumah, sekolah dan suasana persekitaran sejak mereka kecil lagi. Perasaan takut akan membawa kepada sikap mengasing dan memencilkan diri daripada

kalangan khalayak ramai. Bagi sesetengah remaja, pengalaman masa lampau yang mendorong kepada rasa takut tersebut mampu untuk mempengaruhi kefungsiian dan kestabilan emosi mereka. Rasa takut ini datang berpunca daripada banyak sebab seperti pengalaman didera, gangguan seksual, keretakan rumahtangga (ibu bapa) dan sebagainya. Pengalaman-pengalaman hitam tersebut sering hadir dalam ingatan dan mengganggu remaja terbabit lantas menimbulkan kesan lanjutan seperti melahirkan perasaan ketakutan. Kadang-kadang perasaan ketakutan ini menjadi serius sehingga terdapat di kalangan remaja yang gagal mengawal dan menangani keadaan itu akan menunjukkan kepelbagaian dalam tindakan mereka akibat daripada pengaruh rasa takut tersebut.

c. Rasa Gembira

Perasaan atau rasa gembira pula akan wujud apabila remaja mendapat perhatian, kasih sayang, pujian, dihormati, dihargai serta mencapai sesuatu kejayaan dan kepuasan. Dalam keadaan diuliti perasaan gembira ini, remaja akan menjadi lebih yakin dan tabah menghadapi segala cabaran hidup serta menerima apa sahaja yang ada pada diri mereka seadanya (Noraini Ahmad 1994:24). Pada keadaan tersebut, remaja akan cuba untuk sentiasa menonjol dan menampilkan diri dengan penuh persediaan. Pada kebiasaannya, remaja yang berada dalam keadaan gembira agak tersusun dan kemas penampilannya dengan fizikal mereka bersih dan terurus, mental mereka segar dan mampu berfikiran secara rasional dan terbuka, pergaulan mereka terkawal, perlakuan mereka tersusun dan dikawal dan mereka agak terkehadapan dalam banyak perkara.

Emosi remaja pada peringkat remaja awal (awal remaja) agak sukar ditelah dan kadang kala menunjukkan kepelbagaian (Noraini Ahmad 1994:26). Mereka juga sering terdedah kepada satu keadaan yang berhadapan dengan pelbagai konflik emosi. Sebagai contoh yang paling mudah dan sering berlaku kepada remaja ialah perasaan mereka inginkan kebebasan tetapi pada masa yang sama masih bergantung kepada ibu bapa untuk keperluan kewangan dan kasih sayang. Dalam dua keadaan yang berbeza ini, remaja akan terjebak dalam konflik sama ada melepaskan diri daripada ikatan keluarga demi kebebasan yang diinginkan atau mengikut kawalan mereka untuk memastikan hajat dan keperluan dipenuhi oleh keluarga atau ibu bapa. Bagi remaja yang bijak membuat penilaian, mereka akan menentukan kadar kebebasan yang

dicari itu tidak melampaui batasan sehingga merosakkan hubungan kekeluargaan khususnya dengan kedua ibu bapa. Sebagai balasannya, mereka akan mendapat kebebasan yang diinginkan dan dalam masa yang sama terus dilindungi oleh keluarga sama ada daripada keperluan fizikal, kewangan, kasih sayang dan sebagainya.

Pada peringkat akhir remaja iaitu di sekitar usia 18 hingga 20 atau 25 tahun, mereka juga akan berhadapan dengan konflik emosi yang hampir sama (Zakiah Daradjat 1973: 55). Pada peringkat ini, walaupun merasakan diri mereka telah bersedia untuk hidup bebas atau berdikari, remaja terikat kepada rasa terhutang budi kepada keluarga dan ibu bapa. Perasaan sayangkan ibu bapa dan keluarga masih menebal dalam diri mereka. Akan tetapi mereka juga mengalami perasaan ingin menentang dan memberontak apabila diminta melakukan sesuatu yang bertentangan dengan jiwa dan kehendak mereka. Apabila keadaan ini berlaku, wujud konflik emosi dalam diri remaja dan timbul jurang di antara remaja dengan ibu bapa dan keluarganya.

Pada Peringkat ini juga sikap, gaya berpakaian, gaya penampilan dan nilai remaja banyak dipengaruhi oleh nilai kumpulan rakan sebaya mereka seperti berambut *punk* yang dicontohi daripada rakan yang lain (Hasnah Ghani 1995:7). Keadaan ini sebenarnya mencetuskan rasa serba salah kepada remaja. Mereka masih mempunyai rasa dan keinginan untuk mematuhi nilai-nilai ibu bapa tetapi pada masa yang sama berasa bimbang jikalau tidak mematuhi nilai dan amalan rakan sebaya yang boleh menyebabkan mereka disingkir.

Perkembangan Mental

Dalam membicarakan perkembangan mental remaja, pembicaraan perlulah sekaligus mempamerkan cara berfikir remaja itu sendiri. Secara umumnya, tanggungjawab yang dipikul oleh remaja dan pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh mereka memberi kesan yang bukan sedikit kepada perkembangan diri mereka. Perkembangan mental remaja ini boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat awal remaja yang bermula daripada usia 13 hingga 15 tahun dan peringkat remaja akhir di sekitar usia 18 hingga 25 tahun (Khadijah Haidi 1994: 7). Pembahagian ini turut merangkumi satu lagi tahap remaja iaitu tahap pertengahan remaja yang tergabung dalam kedua-dua peringkat tersebut.

Pada peringkat remaja awal, mereka tidak mempunyai kekuatan mental yang jitu dalam mencari penyelesaian kepada sesuatu masalah yang timbul. Apa yang mampu dilakukan adalah berpandukan kepada andaian-andaian sahaja. Dengan kata lain, kebanyakan keputusan yang dicapai oleh mereka tidak mempunyai asas yang kukuh, tanpa bukti-bukti yang konkrit serta tidak didasarkan kepada penelitian yang terperinci. Tidak hairanlah jika kita dapati sering berlaku percanggahan pendapat di antara golongan remaja dengan orang dewasa. Masing-masing pada kelazimannya tetap dengan pendirian mereka dan enggan bertolak ansur sehingga membawa kepada perselisihan faham yang membawa kepada perasaan benci, dendam mendendami dan marah.

Tahap keupayaan remaja dalam menganalisis dan meneliti sesuatu insiden agak lemah. Pemahaman mereka tentang pengertian hidup diamati secara mudah dan hanya dirasai melalui pengalaman sendiri sahaja. Konsep hak asasi manusia masih belum dikuasai sepenuhnya. Perhatian dan penumpuan hanya difokuskan kepada individu dan bukannya kepada masyarakat secara menyeluruh. Hal ini terjadi mungkin kerana dipengaruhi oleh faktor persekitaran seperti melalui pembacaan, pergaulan seharian, pembelajaran dan pengaruh media massa. Remaja juga lebih mementingkan diri sendiri tanpa mengambil kira kedudukan orang lain. Mereka juga agak kurang menitikberatkan sikap tolak ansur (S.M. Hatta 1994: 9). Mereka lebih berpendirian dan berkeyakinan bahawa setiap kesalahan mestilah diiringi dengan hukuman kerana ia lebih memberi kepuasan dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang berbangkit.

Ketika mencapai tahap remaja akhir, cara mereka menghadapi masalah adalah lebih bersistematik berbanding dengan sebelumnya. Penilaian yang dibuat dalam mencari sebab dan musabab terhadap sesuatu perkara telah bertukar kepada cara pemerhatian yang lebih teliti daripada cara anggapan atau andaian umum dan penghukuman secara langsung yang dipegang sebelumnya. Natijah yang terhasil daripada sikap dan pendekatan tersebut akan dapat mempertingkatkan tahap berfikir, mengkritik, menilai dan menghukum dalam kehidupan mereka menerusi pengalaman-pengalaman baru yang telah dilihat dan ditempuhi.

Sungguhpun begitu golongan ini masih belum dapat dikatakan kukuh dalam menyelesaikan segala masalah terutama masalah-masalah yang besar dan berat untuk diselesaikan. Mereka masih amat memerlukan

kepada bimbingan daripada orang dewasa yang lebih tua khususnya dalam memupuk kemahiran berfikir, menggunakan peluang dan ketepatan bertindak. Dalam menyelesaikan sesuatu kesalahan yang mereka lakukan pula, ia tidak lagi hanya diselesaikan menerusi hukuman, denda, amaran dan sikap menuding jari tetapi lebih kepada pendekatan psikologi dengan cara pujukan, pemulihan dan memberikan peluang untuk memperbaiki kesalahan tersebut. Sebenarnya dengan pendekatan psikologi ini mampu untuk mendedahkan mereka kepada satu keadaan di mana mereka boleh menggunakan kemampuan berfikir secara lebih rasional dan objektif berdasarkan fakta-fakta logik serta realistic (Awang Sudjai 1977: 906). Lantaran pendekatan tersebut mampu untuk menyedarkan mereka terhadap sesuatu kesalahan dan berusaha untuk menghindarinya atas kesedaran sendiri berbanding dengan kesedaran atas paksaan dan hukuman orang lain yang hanya akan bersifat kesedaran sementara.

Perkembangan Moral

Persoalan tentang golongan remaja atau golongan muda belia banyak diperkatakan sejak akhir-akhir ini. Pelbagai tanggapan, pandangan dan rumusan telah diutarakan mengenai golongan ini sama ada daripada sudut pola laku, tindakan, pemikiran dan masalah-masalah yang menyangkuti keruntuhan akhlak dan moral mereka.

Pada masa ini, banyak masalah yang menyangkuti kehidupan dan tindakan golongan remaja akibat daripada perkembangan aspek kehidupan dan isu-isu semasa yang pelbagai. Perkembangan kemodenan yang pesat, era globalisasi yang menuntut perubahan, rangsangan pembangunan ekonomi, kemudahan prasarana yang pelbagai dan sebagainya telah banyak mempengaruhi pola laku golongan tersebut sehingga mendorong golongan ini ke arah bertindak mengikut keperluan masa dan terjerumus ke dalam masalah yang lebih besar. Masalah lari dari rumah, penyalahgunaan dadah, pengangguran, melepak, seks rambang, ketagihan alkohol, ketagihan rokok, menonton video lucu dan yang agak terbaru dan hebat diperkatakan ialah kegilaan para remaja terhadap perkembangan teknologi maklumat terbaru dengan penyalahgunaan internet tanpa kawalan. Masalah-masalah ini perlu dilihat dan ditangani dengan teliti dan bersepadu demi kemajuan dan kebaikan negara dan masyarakat. Namun begitu, melalui saluran apakah yang paling sesuai untuk mengatasi masalah-masalah di kalangan remaja

ini seterusnya membentuk mereka menjadi suatu golongan yang berkualiti serta mempunyai wawasan dan ciri-ciri yang dinamik (Yusuf Zaky Yacob 1979: 299).

Apabila memperkatakan mengenai keruntuhan moral, masyarakat akan segera menuding jari kepada golongan remaja. Malah kadang kadang remaja dan masalah keruntuhan moral seolah-olah menjadi stigma yang sinonim dan menakutkan. Situasi dan anggapan yang sedemikian rupa akan menjadikan jiwa remaja memberontak dan merasa kecewa, seterusnya bertindak nekad melakukan sesuatu yang bertentangan dengan batasan adat dan akhlak. Semuanya ini akan merugikan individu remaja itu sendiri, keluarga, masyarakat, negara dan agama. Keadaan ini akan mempengaruhi dan membantutkan usaha untuk membentuk remaja sebagai golongan pelapis kepada kemajuan agama, bangsa dan negara.

Peranan Institusi Sosial dalam Pembentukan Remaja

Membicarakan mengenai peranan institusi sosial dalam pembentukan remaja, ianya tidak hanya terfokus kepada institusi agama semata-mata. Malah semua institusi sosial yang lain mesti menjalankan tanggungjawab yang sama setakat mana ruang dan kemampuan yang dimiliki oleh mereka. Dalam penulisan ini terdapat beberapa institusi sosial yang akan disentuh mengenai peranan dan tanggungjawab yang boleh mereka mainkan.

i) Institusi Keluarga (Ibu Bapa)

Ibu bapa adalah teras atau induk dalam sesebuah keluarga dan bertanggungjawab besar dalam pembentukan peribadi anak-anak. Dalam proses pembentukan remaja ini, ibu bapa mesti mengetahui apakah yang sesuai dengan tahap perkembangan anak-anak mereka. Dengan mengenali dan mengetahui tabiat dan kecenderungan anak-anak akan lebih memudahkan mereka membentuk sikap dan peribadi anak-anak tersebut menjadi seorang anak remaja yang mempunyai peribadi dan personaliti unggul (Khadijah Haidi 1994:12).

Membentuk dan mendidik anak-anak khususnya anak remaja perlu dimulai sejak di peringkat awal pembesaran mereka lagi.

Pendidikan dan pembentukan anak-anak di peringkat awal ini tidak semestinya berlaku secara formal tetapi lebih kepada didikan menerusi contoh teladan. Anak remaja sebenarnya tidak suka kepada sesuatu yang berbentuk arahan dan paksaan kerana dianggap mengongkang jiwa dan kebebasan mereka. Teladan positif yang ditunjukkan oleh ibu bapa mereka biasanya akan diberikan reaksi dan ikutan oleh anak-anak dalam bentuk spontan. Reaksi yang ditunjukkan itu akan memudahkan lagi ibu bapa mengenali tabiat anak-anak dan sekaligus memikirkan cara serta pendekatan yang sesuai dalam membentuk mereka (Noraini Ahmad 1994: 17).

Selain daripada itu, sekiranya anak remaja mereka menunjukkan potensi positif sebagai seorang remaja yang baik, ibu bapa haruslah memberikan panduan dan galakan yang berterusan supaya mereka terus kekal dengan keadaan tersebut. Sebaliknya sekiranya anak mereka berperangai buruk, ibu bapa mesti mengambil langkah yang paling segera untuk memperbetulkannya.

Ibu bapa sebagai tunjang utama institusi keluarga harus mengambil kira aspek-aspek tertentu berkaitan diri anak remaja itu sendiri supaya pembentukan yang hendak diterapkan dapat membaiki remaja ke arah yang lebih baik. Ibu bapa mesti mempunyai rasa hormat dan menghargai anak-anak supaya pembentukan mereka berjalan dalam keadaan yang harmoni dan lembut, tanpa memerlukan kepada pemaksaan serta kekerasan sekiranya keadaan tidak memerlukan.

ii) Institusi Pendidikan

Pada zaman moden ini, pendidikan biasanya dikaitkan secara langsung dengan institusi sekolah dan institusi pendidikan lain yang formal. Pendidikan adalah merupakan proses pengembangan dan pembentukan peribadi insan. Proses pendidikan ini mencakupi pelbagai bidang dengan kepentingan-kepentingan dan keperluan-keperluan yang berbeza. Tugas ini pula dipegang oleh manusia mengikut tahap-tahap dan bidang-bidang yang berbeza (Mahjubah Magazine 1992:1).

Dalam konteks pendidikan kepada golongan remaja ini, ahli-ahli pendidikan berpendapat bahawa proses ini bukan hanya tertumpu

kepada memberi tunjuk ajar dan latihan semata-mata, tetapi adalah satu proses memupuk kesedaran dan pembentukan jiwa. Dengan itu akan wujudlah insan kamil yang sanggup melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai remaja yang baik dan warganegara yang berguna (Mohamad, Abu Samah, Abd Majid, Alias 1996:23).

Banyak peranan yang boleh dimainkan oleh institusi pendidikan dalam membentuk remaja. Institusi pendidikan ini merupakan institusi kedua paling rapat dengan remaja selepas institusi keluarga. Dengan peranan yang dimainkan oleh institusi pendidikan akan dapat melahirkan generasi remaja yang terlatih dari segi akhlak, fizikal, spiritual, emosi dan mental.

iii) Persatuan dan Pertubuhan

Perbincangan ini tidak akan memfokuskan kepada mana-mana persatuan secara khusus, tetapi akan dinyatakan secara umum mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh persatuan dan pertubuhan ini. Satu fenomena yang berkembang sekarang ini ialah kewujudan pelbagai jenis pertubuhan dan persatuan sama ada daripada agensi kerajaan atau daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO). Kewujudan badan-badan yang pelbagai ini boleh dimanfaatkan semaksimum mungkin untuk membentuk golongan muda remaja ke arah keunggulan. Menerusi pelbagai program dan kegiatan yang dianjurkan, para remaja akan dihidangkan dengan pelbagai pengetahuan, pengalaman dan pendedahan yang amat berguna untuk diri mereka dan masyarakat (Zarini Yusof 2001:59).

Generasi muda remaja sekarang ini secara umumnya cenderung ke arah berpersatuan. Kesempatan ini boleh dipergunakan sepenuhnya untuk menarik mereka kepada sebarang aktiviti yang bersifat positif dan membina. Melalui aktiviti berpersatuan ini akan dapat melahirkan satu generasi remaja sebagai generasi pelapis yang akan terus mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan negara. Secara tidak langsung, aktiviti berpersatuan secara sihat ini akan dapat mengurangkan gejala-gejala sosial yang negatif khususnya di kalangan para remaja.

KESIMPULAN

Islam amat memandang berat kepada usaha memelihara dan menjaga perkembangan golongan remaja sama ada dari sudut moral, fizikal, mental dan akhlak. Golongan remaja dianggap satu golongan yang mampu untuk mencorakkan masa depan sesebuah masyarakat dan negara serta mampu menjadi pendokong kepada perkembangan agama dan dakwah Islamiyyah. Golongan ini perlu dibelai seperti seorang bayi, diasuh seperti seorang anak, ditegur seperti seorang pelajar dan dinasihati seperti seorang kawan. Kedudukan mereka pada peringkat ini adalah amat sensitif, perasa, perajuk, pemberontak, perengus, dahaga kasih sayang dan belaian, manja dan agak longgar kawalan emosi, tindakan dan pertimbangan. Mereka amat perlukan kepekaan serta keprihatinan daripada keluarga, masyarakat, rakan taulan dan persekitaran. Tersilap membentuk golongan ini bermakna menjerumuskan mereka ke arah kemusnahan dan kehancuran dan menghalakan masyarakat serta negara ke gerbang kegagalan. Lantaran itu Islam amat menitikberatkan pembentukan dan pembinaan fizikal, peribadi, personaliti, emosi, mental dan sahsiah golongan ini. Hakikat tersebut terjelma sepertimana yang terdapat dalam kisah-kisah Luqmanul Hakim serta sikap keprihatinan yang ditunjukkan oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad saw dalam mentarbiah golongan remaja (pemuda).

BIBLOGRAFI:

1. Al-Qur'an al-Karim.
2. _____, 1993, *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. _____, 1988, *Gelanggang*, bil. 3/88, Julai/Ogos/September.
4. Al-Ghazali, Abu Hamid, 1967, *Ihya' Ulum al-Din*. Juz. 2&3. Mesir: al-Qahirah Matabi' Subh al-'Arab.
5. Amir Marzuki, 1988, *Kembalikan Sebelas Fungsi Masjid*. *Dakwah*, Mac.

6. Asmah Bee Mohd. Noor, 1999, Remaja Dorongan ke Arah Penentangan. *Muslimah*, Ogos.
7. Awang Sudjai Hairul Yusuff Khan, 1977, *Kamus Lengkap*. Selangor: Pustaka Zaman.
8. Fuad Irfah al-Bustani, 1982, *Mu^ʿjam al-Thulab*. Beirut: Dar Masyriq.
9. Hasnah Ghani, 1995, *Jenayah Remaja Permasalahan dan Penyelesaian*. Shah Alam: HIZBI.
10. Hafizh Dasuki, 1997, *Ensiklopedia Hukum Islam*, Jil. 1. Jakarta: Penerbit PT. Ichtiar Baru Van Hoeve.
11. Ibrahim Anis, Dr., Abd. Halim Muntasir, Dr., ^ʿAttiyah al-Sawahiliy, Dr. 1973. *al-Mu^ʿjam al-Wasit.*, Mesir: Dar al-Ma^ʿarif.
12. Karl C. Garisson, 1975, *Psychology of Adolescence*, Edisi 7. New Jersey: Prentice Hall INC Englewood Cliffs.
13. Khadijah Haidi Khalid, 1994, *Meneroka Alam Remaja*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
14. Khalil al-Nahwi, 1991, *al-Mu^ʿjam al-^ʿArabi al-Muyassar*, Iran: Tobi ^ʿala Mutobi.
15. Kuhlen R.G., 1982, *The Psychology of a Adolescent Development*. New York: Harper and Row Publisher.
16. Laili Ibrahim, 1989, *Mengenai Masalah Moral Remaja di Kalangan Remaja*. *Dakwah*, Mei.
17. Mahjubah Magazine, 1992, *Pendidikan Anak-anak Kini dan Masa Depan Tinjauan Islam dan Permasalahan*. Terj: Ys Yadi Kurniawan, Jakarta: Penerbit Firdaus.
18. Mohamad Abu, Abu Samah Yusof, Abdul Majid Abdullah, Alias Chik. 1996, *Panduan Insan Mukmin*, Selangor: Pustaka Ilmi.

19. Noraini Ahmad, 1994, *Kaunseling Remaja Pengalaman Peribadi Seorang Kaunselor*. Selangor: Budaya Ilmu Sdn.Bhd.
20. Rusli Abdul Ghani, Halimah Hj.Ahmad, Fadilah Jasmani, 1988, *Kamus Istilah Sains Am*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
21. S.Mohamed Hatta, 1994, *Psikologi dan Kaunseling Remaja*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM).
22. Saedah Siraj, 1999, *Pembentukan Keluarga Muslim Sebenar ke Arah Membina Negarawan Muslim*. *Muslimah*, Ogos.
23. Sulaiman Ibrahim, 2000, *Dakwah dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
24. UNESCO Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, *Curier*. Keluaran Ulangtahun ke 40.
25. Yusoff Zaky Yacob, 1977, *Ilmu Jiwa*. Kota Bharu: Sharikat Dian Sdn.Bhd.
26. Zakiah Daradjat, 1973, *Perwatakan Jiwa untuk Kanak-kanak*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.